



KERTAS UNTUK MAKLUMAN MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM

LAPORAN STATUS PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN KETAKAKURAN AUDIT PEMANTAUAN SEMAKAN 1 SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS) OLEH SIRIM

1.0 TUJUAN

Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklum kepada Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia kali ke-30 berkaitan Laporan Status Pelaksanaan Pelan Tindakan Ketakakuran Audit Pemantauan Semakan 1, Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) oleh SIRIM.

2.0 LATAR BELAKANG

Audit Pemantauan Semakan 1, Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) oleh SIRIM telah dilaksana pada 19 hingga 29 Jun 2016 dengan penemuan sebanyak dua (2) laporan ketakakuran. Ketakakuran yang ditemui adalah di Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA) dan Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC).

3.0 STATUS LAPORAN KETAKAKURAN

Pelan tindakan bagi dua (2) laporan ketakakuran telah dihantar kepada pihak SIRIM (Ketua Juruaudit) pada 23 Ogos 2016 iaitu dalam tempoh satu (1) bulan selepas penutupan audit. Manakala bukti pelaksanaan tindakan pembetulan telah dihantar pada 26 Oktober 2016 iaitu dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh penutupan.

Walaupun bagaimanapun, maklumbalas pengesahan tindakan belum diterima daripada pihak SIRIM berdasarkan kekangan Ketua Juruaudit. Tindakan susulan telah dibuat pada 4 November 2016 dan 2 Disember 2016.

4.0 SYOR

Mesyuarat dimohon mengambil maklum status pelaksanaan pelan tindakan ketakakuran Audit Pemantauan Semakan 1, Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) oleh SIRIM.